

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HSL 431 Isu-Isu Terpilih dalam Sejarah Asia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG **EMPAT BELAS [14] SOALAN**
DI DALAM **DUA [2]** HALAMAN.

Pilih **EMPAT [4]** soalan sahaja sama ada dari bahagian A atau bahagian B.

Bahagian A

1. Bincangkan ciri-ciri penting masyarakat pertanian zaman Tokugawa. Sejauhmanakah ciri-ciri ini menggambarkan masyarakat Jepun sezaman?
2. “Titik permulaan kepada pengurusan cara Jepun boleh dikenalpasti asal usulnya kepada perkembangan dan pertumbuhan sistem pengurusan syarikat-syarikat yang berdasarkan keluarga di zaman Tokugawa.” [Yotaro Sakudo] Bincangkan.
3. “Restorasi Meiji pada asasnya ialah kemuncak sengketa di antara bakufu di Edo dan empat *han* (provinsi) dari barat Jepun.” [Marius Jansen] Bincangkan dengan merujuk kepada kemelut politik yang berlaku pada 1850an dan 1860an di antara bakufu dengan *han*.
4. Apakah yang dimaksudkan dengan konservativisme Meiji? Sejauhmanakah konservativisme ini masih berpengaruh di zaman berikutnya?
5. “Angkatan bersenjata khususnya tentera darat menjadi tunggak kepada fasisme Jepun.” Bincangkan dengan merujuk kepada perkembangan fasisme di antara 1918 hingga 1945.
6. Sejauhmanakah Perang Pasifik (1931-45) itu merupakan “satu perang yang membawa manfaat” kepada Jepun?

7. "Pengalaman ekonomi Showa ialah satu kejayaan yang sangat besar. Jepun berjaya 'menemui satu formula yang betul' dengan mengadunkan satu kombinasi dasar kerajaan, usahawan yang agresif, pendidikan, sikap anggota masyarakatnya pengurusan buruh dan bekerja keras." [Edward Lincoln] Bincangkan.

Bahagian B

8. Pada waktu pihak British mula mengasaskan empayar di India Maratha merupakan kuasa yang kuat. Namun, mengapa pada akhirnya ia juga tertumpas di tangan British sama seperti Moghul?
9. "Dakwaan bahawa industri-industri India terhapus kerana dasar-dasar diskriminasi pentadbir British adalah tidak benar. Pada hakikatnya, industri-industri India adalah mundur dan terhapus dengan sendiri kerana tidak dapat bersaing dengan industri-industri di Britain yang memiliki teknologi yang canggih." Setujukah anda?
10. Sejauh manakah benar dakwaan bahawa pihak British telah cuba membaratkan kebudayaan India melalui dasar-dasar pembaruan sosial yang diperkenalkan di antara 1828-1856?
11. "Mana-mana kebangkitan yang sebesar itu (Dahagi India), dan yang bertujuan untuk mengakhiri pemerintahan kuasa asing, seharusnya dianggap sebagai perang kemerdekaan." [B.L. Grover] Bincangkan.
12. Bibit-bibit ekstrimisme mula meresapi pergerakan nasionalisme India menjelang dekad pertama abad ke-20. Sejauh manakah Tilak dapat dipertanggungjawabkan bagi keadaan ini?
13. "Keputusan para nasionalis India untuk mengabaikan perjuangan sederhana dan mengantikannya dengan *mass agitation and civil disobedience* telah sebenarnya melambatkan pemindahan kuasa daripada pihak British kepada pribumi." [Gowher Rizvi] Bincangkan.
14. "Rusuhan kaum di antara orang Hindu dan orang Islam di India bukanlah kerana soal agama tetapi politik. Agama hanyalah dijadikan alat untuk kepentingan politik." Bincangkan.